



TENDER PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN JALAN DAN PARIT SERTA PEMOTONGAN RUMPUT

JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

ARAHAN KEPADA PETENDER

- a) Syarikat/pembekal/kontraktor perlu berdaftar dengan Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui laman web ep.penang.gov.my untuk menyertai Tender.
- b) Dokumen Tender yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Tender yang terletak di Ruang Legar Bilik Minda MBPP, Tingkat 4 KOMTAR, Pulau Pinang sebelum jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup yang berkenaan. Pertimbangan tidak akan diberi kepada Tender yang lewat diterima.
- c) Majlis tidak terikat untuk menerima Tender yang paling rendah harganya atau sebarang Tender.
- d) Sebarang tawaran yang berbentuk rasuah atau lain-lain dorongan yang boleh mempengaruhi kedudukan petender akan menyebabkan Tender tersebut ditolak serta merta.

SYARAT-SYARAT AM TENDER

- Syarikat-syarikat yang hendak memasuki Tender Perkhidmatan Pembersihan Jalan Dan Parit Serta Pemotongan Rumput hendaklah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) di bawah kod bidang 221002 yang dimiliki sepenuhnya oleh rakyat Malaysia.
- Semua syarikat adalah dianggap telah melawat kawasan perkhidmatan dan memahami semua aspek kerja di kawasan seperti di dalam lampiran peta kawasan ketika mengemukakan tender.
- Tempoh kontrak ini adalah selama Tempoh kontrak ini adalah selama tiga (3) tahun

SPESIFIKASI TEKNIKAL

SPEKIFIKASI PERKHIDMATAN

- Tenaga Kerja - Peluang pekerjaan hendaklah terbuka kepada warganegara Malaysia dari pelbagai kaum bagi menggalakkan pekerja tempatan.
 - (a) Kontraktor hendaklah mempunyai penyelia warganegara tempatan untuk mengawal selia pekerja-pekerja syarikat.
 - (b) Kontraktor hendaklah mempunyai pemandu warganegara tempatan.
 - (c) Pekerja asing sah yang dibenarkan tidak melebihi 30% daripada jumlah keseluruhan pekerja syarikat. Sebarang perubahan kuota pekerja asing hendaklah mendapat kebenaran bertulis dengan pihak Majlis.
- Pekerja yang dilantik oleh kontraktor hendaklah sihat tubuh badan, berumur dalam lingkungan 18 hingga 60 tahun.
- Kontraktor hendaklah mematuhi ciri-ciri keselamatan di bawah Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja 1994 (OSHA) serta Peraturan Keselamatan Pekerjaan

- Peralatan yang perlu disediakan adalah seperti berikut :
 - (a) Tong Sampah HDPE 120 Liter
 - (b) Beg Sampah termasuk guni
 - (c) Sarung Tangan
 - (d) Kon keselamatan
 - (e) *Vest* keselamatan
- Waktu kerja dalam tempoh kontrak adalah setiap hari dari jam 7.00 pagi hingga 6.00 petang atau waktu-waktu yang akan ditentukan termasuk hari Ahad dan hari-hari cuti kelepasan bagi Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Persekutuan. Waktu rehat akan ditentukan oleh Majlis.

SPEKIFIKASI KERJA

- PEMBERSIHAN JALAN

- Membersih, mengutip dan melupuskan sampah-sarap serta segala daun-daun, dahan-dahan dan pelepah-pelepah yang luruh di atas bahu jalan, sisa pemotongan rumput di bahu jalan, tepi jalan, gegili jalan, pembahagi jalan, lorong tepi, lorong belakang, jalan atas (*flyover*) pejalan kaki, jejantas, laluan basikal, *traffic island*, kotak penanaman pokok dan pasu bunga.
- Menanggalkan poster dan iklan yang ditampal tanpa kebenaran dari Majlis.
- Memungut sampah sarap atau longgokan sampah / beg sampah yang terbiar di jalan / bahu jalan / tepi jalan atau mana-mana tempat awam dan dibersihkan tapak serta dimasukkan bahan buangan tersebut ke dalam mana-mana tong sampah baki yang berhampiran.
- Mengasingkan sampah yang boleh dikitar semula semasa pembersihan jalan.
- Menggunakan mesin atau lain-lain kelengkapan/jentera yang sesuai dengan kebenaran bertulis daripada Majlis.

SPEKIFIKASI KERJA

- PEMBERSIHAN PARIT

- Membersih, memberus dan mengorek keluar segala pasir serta mengikis lemak-lemak, lumut dan kekotoran yang terdapat di dalam dasar dan dinding parit termasuk pembuangan kelodak, sampah, tumbuh-tumbuhan dan sebarang benda pepejal.
- Membersih, mengikis dan mengeluarkan segala pasir, sampah-sarap, kekotoran dan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di tebing jalan dan di dalam parit *scupper*.
- Memotong dan mencabut segala rumput-rampai dan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di dalam, tebing parit hingga bahu jalan

SPEKIFIKASI KERJA

- PEMOTONGAN RUMPUT

- Memotong segala rumput-rampai dan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di bahu jalan, pembahagi jalan termasuk tepi laluan basikal.
- Memotong segala rumput-rampai dan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di tanah lapang dan taman permainan.
- Membersih segala sampah-sarap, daun-daun dan ranting-ranting yang terdapat di dalam kawasan tanah lapang.
- Rumput hendaklah dipastikan sentiasa pendek sepanjang masa, disapu dan dibersihkan segera. Bagi kawasan tanah lapang dan taman permainan, kekerapan perkhidmatan hendaklah sekurang-kurangnya 2 kali pusingan sebulan.
- Pemotongan rumput termasuk membuang semua tumbuhan yang menjalar di sekeliling perabot jalan, perabot taman dan lain-lain struktur yang ada dalam kawasan yang perlu di lakukan pemotongan rumput


PUNGUTAN, PENGANGKUTAN DAN PELUPUSAN SISA BAGI PEMBERSIHAN DAN PEMOTONGAN RUMPUT

- Sampah sarap yang dibersihkan dan dipungut daripada jalan dan parit serta pemotongan rumput hendaklah diletakkan ke dalam beg sampah bersesuaian dan hendaklah diangkut ke Tapak Pelupusan Sampah yang ditentukan oleh Majlis;
- Sampah hendaklah dikutip setiap hari dan tidak boleh ditinggalkan untuk dikutip keesokan hari.
- Kontraktor hendaklah menyediakan sebuah lori hybrid (*Mini Tipper* - 1 tan dan *Multilift* dengan 2 unit tong *multilift* - 3 tan per unit) untuk memungut dan melupuskan sampah di tapak pembuangan sampah yang ditentukan oleh Majlis. Lori yang disediakan oleh pihak syarikat tidak boleh dikongsi kegunaan bersama dengan syarikat lain yang ditawarkan kontrak Majlis.

- Kenderaan mengangkut sampah hendaklah sentiasa ditutup kemas dengan tarpan (tarpaulin) semasa diangkut dari kawasan perkhidmatan mengikut jenis sisa yang diasingkan dan tidak bercampur seperti berikut:
 - (a) Sampah kering dari aktiviti pembersihan jalan dihantar ke Stesen Pemindahan Sampah Batu Maung atau mana-mana tapak baru yang ditetapkan oleh Majlis.
 - (b) Sampah pasir dari aktiviti pembersihan parit dihantar ke Tapak Pelupusan Sampah Jelutong atau mana-mana tapak baru yang ditetapkan oleh Majlis.
 - (c) Sisa pemotongan rumput dari aktiviti pemotongan rumput dihantar Stesen Pemindahan Sampah Batu Maung atau mana-mana tapak baru yang ditetapkan oleh Majlis.

- Kontraktor hendaklah menyusun logistik kemudahan berasingan bagi penyimpanan, pungutan dan pengangkutan sampah secara berasingan. Sebarang kos pengangkutan ke mana-mana tapak pelupusan yang ditetapkan oleh Majlis sama ada di bahagian Pulau atau di Seberang Perai adalah ditanggung sepenuhnya oleh syarikat.
- Trip pengangkutan sampah hendaklah sekurang-kurangnya tiga (3) kali sehari (Isnin hingga Sabtu) dan sekurang-kurangnya sekali sehari pada hari Ahad dan cuti Kelepasan Am. Sebarang keperluan trip pengangkutan tambahan atas arahan Majlis hendaklah dilaksanakan tanpa melibatkan implikasi kos tambahan kepada Majlis.
- Kos pembayaran permit untuk membuang sampah adalah ditanggung oleh pihak kontraktor.

KAWASAN INTEGRASI JPP 2021




KAWASAN PERKHIDMATAN

SENARAI PAKEJ – PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN JALAN DAN PARIT SERTA PEMOTONGAN RUMPUT

PAKEJ KAWASAN	NAMA KAWASAN
1	CONCORD
2	HILLSIDE
3	TANJONG PINANG
4	FETTES PARK
5	LUMBA KUDA
6	ISLAND GLADES
7	MASJID NEGERI
8	KAMPUNG MELAYU
9	FARLIM
10	PAYA TERUBONG
11	RELAU
12	PANTAI JEREJAK
13	BATU UBAN


PAKEJ KAWASAN	NAMA KAWASAN
14	BUKIT JAMBUL
15	PEKAKA
16	KENARI
17	SUNWAY TUNAS & BAYAN
18	MAHSURI & NIBONG
19	FIZ 3
20	FIZ 1,2,4 & SUNGAI TIRAM
21	IPING
22	PERMATANG DAMAR LAUT
23	TELUK BAHANG
24	PAGAR BULUH
25	SETIA PEARL ISLAND & RAJAWALI

PAKEJ KAWASAN 1 : CONCORD



PAKEJ KAWASAN 2


: HILLSIDE



PAKEJ KAWASAN 3 : TANJONG PINANG



PAKEJ KAWASAN 5 : LUMBA KUDA




PAKEJ KAWASAN 6 : ISLAND GLADES




PAKEJ KAWASAN 7 : MASJID NEGERI




PAKEJ KAWASAN 8 : KAMPUNG MELAYU



PAKEJ KAWASAN 9 : FARLIM




PAKEJ KAWASAN 10 : PAYA TERUBONG




PAKEJ KAWASAN 11

: RELAU



PAKEJ KAWASAN 14 : BUKIT JAMBUL




PAKEJ KAWASAN 15

: PEKAKA



PAKEJ KAWASAN 16 : KENARI



PAKEJ KAWASAN 17

: SUNWAY TUNAS & BAYAN




PAKEJ KAWASAN 18 : MAHSURI & NIBONG




PAKEJ KAWASAN 19

: FIZ 3



: FIZ 1, 2 & 4




PAKEJ KAWASAN 21

: IPING




PAKEJ KAWASAN 22 : PERMATANG DAMAR LAUT



PAKEJ KAWASAN 23

: TELUK BAHANG



PAKEJ KAWASAN 24

: PAGAR BULUH

